

DPMM kaji beli aset BB Plaza

DEWAN Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) tidak menolak kemungkinan membeli beberapa bahagian aset di Plaza Bukit Bintang (BB Plaza) bagi memastikan perniagaan golongan Bumiputera di pusat beli-belah itu tidak terjejas berikutan pembinaan stesen bawah tanah My Rapid Transit (MRT).

Setiausaha Agungnya, Hanafee Yusoff berkata, untuk itu, DPMM akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan, Uda Holdings dan MRT Corp Bhd secepat mungkin untuk menjamin masa depan peniaga Bumiputera di BB Plaza.

“Kami akan melihat beberapa langkah penyelesaian antaranya mengekalkan peniaga di situ, berpindah ke bangunan lain milik Uda Holdings atau membeli bahagian tertentu aset di Plaza Bukit Bintang.

“Sekiranya tiada pilihan, DPMM akan melihat apa yang MRT Corp tawarkan,” katanya pada sidang media mengenai majlis makan malam bersama bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir pada 23 Jun ini sempena mesyuarat agung tahunan DPMM ke-47 di Kuala Lumpur, semalam.

MRT Corp bercadang mengambil alih tanah berdepan BB Plaza milik Uda Holdings dan bersebelahan bangunan Yayasan Selangor membatikan paras bawah kedua-dua bangunan bagi memulakan kerja pembinaan stesen bawah tanah yang juga sebahagian daripada 13 stesen yang akan dibina bagi laluan MRT Sungai Buloh-Kajang.

Uda Holdings dilaporkan sebelum ini mungkin meminta pampasan RM474 juta daripada MRT Corp jika ia perlu melepaskan Plaza Bukit Bintang.